

Minda Pengarang

MOHD. SHARIZA ABDULLAH



Risiko hidup di bandar padat, udara boleh jadi 'pembunuh senyap'

REKOD menunjukkan lebih 30 peratus daripada 33.4 juta rakyat Malaysia menetap di Lembah Klang.

Peluang ekonomi menjadi elemen utama pertumbuhan populasi di Kuala Lumpur sehingga menjadi kawasan yang padat dan sesak.

Akhbar ini pernah melaporkan Kuala Lumpur berdepan kepadatan 2.1 juta penduduk.

Berdasarkan data populasi Jabatan Perangkaan, angka berkenaan menyaksikan peningkatan 300,000 penduduk dalam tempoh lima tahun sejak 2019 yang ketika itu merekodkan hanya 1.8 juta orang di dalam Kuala Lumpur yang berkeluasan 2,432 kilometer persegi.

Situasi ini menjadikan Kuala Lumpur padat dan sesak. Pertambahan populasi di ibu negara bermakna jumlah kenderaan di atas jalan raya bertambah terutama untuk kegunaan berulang-alik dari rumah ke tempat kerja.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum ini mendedahkan kira-kira enam juta atau 85 peratus kenderaan direkodkan berada di ibu negara pada setiap hari.

Ini bermakna Kuala Lumpur tidak boleh lagi dijadikan fokus utama pembangunan dan tarikan ekonomi, sebaliknya perlu melibatkan negeri berhampiran.

Lebih membimbangkan adalah penduduknya berisiko menghidap penyakit serta komplikasi yang berpunca daripada pencemaran udara.

Kewujudan kira-kira enam juta kenderaan di ibu negara setiap hari, menjadikan ia sebagai antara bandar yang berisiko mengalami pencemaran udara akibat pelepasan asap kenderaan.

Sedar atau tidak, pencemaran udara menjadi 'pembunuh' senyap terhadap manusia apabila setiap sedutan nafas membawa masuk 'bahan asing' ke dalam badan hingga mengakibatkan kegagalan organ dan menyebabkan penyakit kronik.

Kesan pencemaran udara ini melibatkan semua peringkat usia sama ada dalam jangka singkat atau panjang.

Hakikatnya, masalah pencemaran udara bukan perkara baharu kerana semua negara menghadapinya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menegaskan bahawa pencemaran udara tetap kekal sebagai masalah yang terus meruncing.

Hidup di bandar seperti Kuala Lumpur kerana tuntutan hidup memerlukan 'pengorbanan' dan disiplin untuk mendepani pelbagai cabaran termasuk kemerosotan kualiti udara.

Justeru, kita tidak boleh lupa atau mengambil mudah tentang kepentingan menjaga kualiti udara yang kita sedut setiap hari.

Pengurangan tahap pencemaran udara negara dapat mengurangkan risiko strok, penyakit jantung, kanser paru-paru, pneumonia dan penyakit lelah atau asma.

Selain kawalan dan penguatkuasaan oleh pihak kerajaan, kita sendiri mempunyai tanggungjawab dengan mempunyai kesedaran serta memastikan setiap tindakan tidak menyumbang kepada berlakunya pencemaran.

Kita tidak mahu bahan partikel di udara yang disedut setiap hari menjadi 'pembunuh senyap' diri sendiri.

Mohd. Shariza Abdullah ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia